

Menetapkan nilai yang wajar

ZAMAN KANAK-KANAK

ARTIKEL

JUL 9, 2020

Bila anda ingin mengajar anak tentang nilai murni, interaksi bersama mereka penting untuk mewujudkan peluang tersebut. Ketahui bagaimana untuk melakukannya di dalam artikel ini.

Terapkan nilai yang wajar dalam anak anda dari awal lagi.

Tetapkan nilai yang wajar dalam anak anda dari awal lagi

Setiap interaksi dengan anak anda akan menyediakan peluang untuk mengajarnya tentang nilai-nilai murni. Oleh itu, jadikan panduan berikut untuk menyemai nilai-nilai murni dalam diri anak anda.

1. Interaksi harian. Apabila kita memikirkan tentang mengajar nilai murni kepada anak-anak, kita selalu memikirkan tentang membawa mereka ke tempat ibadat, mengajar mereka tentang berkongsi atau menggalakkan mereka untuk bersedekah semasa musim perayaan. Kita mungkin juga menyampaikan ilmu apabila kita bercakap, contohnya 'Tolong' dan 'Terima Kasih' apabila meminta mereka melakukan sesuatu.

2. Tabiat kita. Kanak-kanak biasanya mengikuti tabiat orang dewasa dan adik-beradik yang lebih tua dan mencontohnya. Contohnya, jika anda mahu anak anda mencintai alam, tunjukkan cara untuk mengitar semula dengan mengasingkan sampah sewajarnya.

3. Aktiviti bersama keluarga. Jalankan aktiviti bersama sekurang-kurangnya sekali seminggu seperti duduk dan bercerita tentang perkara yang disukai tentang keluarga anda, bermain permainan, menyanyi atau melakukan aktiviti seni dan kraf. Aktiviti ini akan memberikan gambaran bahawa keluarga adalah satu keutamaan kepada anak anda.

4. Pendedahan kepada dunia yang lebih luas. Kanak-kanak menyerap nilai murni dan norma kemasyarakatan melalui rakan, keluarga, buku, TV dan pengalaman yang

mereka dapati daripada komuniti. Jadi pastikan anda memilih program TV dan bahan bacaan yang sesuai untuk ditonton dan dibaca anak anda.

5. Penjelasan kita tentang dunia luar. Kita tidak selalunya boleh mengawal persekitaran anak kita. Kita mungkin boleh memilih kedai runcit yang tertentu, tetapi kita tidak boleh mengawal pengunjung kedai berkenaan. Anak kita mungkin melihat atau mendengar perkara yang tidak patut mereka lihat atau dengar. Tetapi pada hakikatnya kita ada bersama mereka atau apabila mereka kembali ke rumah dan menceritakannya kepada kita, kita berpeluang untuk berkongsi pandangan dari perspektif kita tentang apa yang berlaku.

Penafian: Kandungan ini dikongsi sebagai bahan untuk maklumat sahaja dan bukan sebagai penggantian untuk nasihat pakar/perubatan, diagnosis atau rawatan. Anda dinasihati supaya sentiasa dapatkan nasihat profesional kesihatan untuk sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan keadaan perubatan/situasi khusus.

- 
- 
- 
- 
- 
- 